



جابتن اكام اسلام ولايه فرسكوتوان

JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
FEDERAL TERRITORY ISLAMIC RELIGIOUS DEPARTMENT

Kompleks Pusat Islam
Jalan Perdana
50676 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Tel : +603-2274 9333
Faks : +603-2273 1575
E-mail : aduan@jawi.gov.my
Web : www.jawi.gov.my
Hotline Penguatkuasaan : 1-800-88-1771

Ruj.Kami : JAWI.Edu.900-3/6/4 (5)

Tarikh : 20 Jun. 2024

13 Zulhijah 1445

YBrs. Prof. Ts. Dr. Faidz Abd Rahman

Pengerusi,

Jawatankuasa Penyelaras Kuala Lumpur Engineering Science Fair (KLESF),

Naib Presiden R&D dan Pengkomersialan,

Universiti Tunku Abdul Rahman,

Jalan Sungai Long,

Bandar Sungai Long,

43000 Cheras,

Selangor.

(u.p: En. Abdullah Munir bin Roslan)

YBrs. Prof,

**KEBENARAN MURID BAGI MENYERTAI PROGRAM KUALA LUMPUR
ENGINEERING SCIENCE FAIR (KLESF) THE FAIR AND 18TH MALAYSIA
FESTIVAL OF THE MIND (MfotM) TAHUN 2024**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan bertarikh 6 Mei 2024 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah menerima dan meneliti permohonan pihak tuan bagi penganjuran program *Kuala Lumpur Engineering Science Fair (KLESF) The Fair and 18th Malaysia Festival of The Mind (MfotM) Tahun 2024* berkenaan daripada pihak tuan. Pihak JAWI mengambil maklum dan **tiada halangan** kepada pihak tuan untuk melaksanakan program seperti yang dinyatakan

3. Sehubungan dengan itu, kelulusan ini adalah **TERHAD** kepada urusan antara pihak tuan dengan pihak pengurusan sekolah sahaja. Pihak tuan juga dimohon untuk mematuhi perkara berikut:

"Sentiasa Dicontohi"



- 3.1 Semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada guru besar dan ketua guru sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 3.2 Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga;
- 3.3 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 3.4 Surat ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.5 Penyertaan murid tidak menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/ program/ aktiviti sekolah;
- 3.6 Pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 3.7 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada pendaftar;**
- 3.8 Tiada implikasi kewangan kepada Bahagian Pelajaran, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI);
- 3.9 JAWI berhak menarik balik surat kebenaran pelaksanaan program ini sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberikan kesan kepada permohonan agensi pada masa akan datang.

4. Maklum balas penganjuran program ini hanya terpakai untuk pelaksanaan **KUALA LUMPUR ENGINEERING SCIENCE FAIR (KLESF) THE FAIR AND 18TH MALAYSIA FESTIVAL OF THE MIND (MfoTM) TAHUN 2024** mulai **8 hingga 10 November 2024 sahaja**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pelajaran JAWI.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi En. Syafiq Yap Chee Hoe Abdullah di talian 03-22749333 samb. 1413 atau emel syafiqabdullah@jawi.gov.my.


Kerjasama dan keprihatinan tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(NORHAYATI BINTI ZAINUDIN)

b.p Pengarah

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan